

10/03/2002

Adnan pengarah pilihan raya BN di Ketari

BENTONG: Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, dilantik sebagai pengarah pilihan raya Barisan Nasional (BN) untuk menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, semalam, mengumumkan beliau mengetuai jentera BN di Ketari.

Sebelum ini, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memberi lampu hijau kepada Adnan untuk mengetuai jentera pilihan raya Ketari bagi mewakili BN Pusat dan Negeri.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek yang juga Ahli Parlimen Bentong pula akan membantu Adnan sebagai timbalan pengarah.

"Nama Adnan dan Lim dicadangkan dalam mesyuarat khas jawatankuasa Umno dan BN Bahagian Bentong, di sini kelmarin.

"Kami berpendapat keperluan di Ketari berlainan dengan pilihan raya kecil lain kerana di sini tidak begitu diperlukan melantik seorang pemimpin Pusat untuk mengetuai jentera pilihan raya BN.

"Menteri Besar sudah mencukupi kerana beliau berasal dari Bentong dan juga Ketua Umno Bahagian ini. Beliau tentu lebih faham keadaan tempatan," katanya di sini, petang kelmarin.

Katanya, pucuk pimpinan juga sudah mengarahkan supaya semua persiapan, termasuk menentukan jentera pilihan raya dilakukan sejak enam bulan lalu.

Sementara itu, katanya, setakat ini, Badan Perhubungan Umno Perlis sudah mengesahkan untuk menghantar kira-kira 1,000 penyokongnya, bermula esok di Ketari.

Mereka akan ditempatkan di Felda Gugusan Mempaga 1, 2 dan 3 bagi yang bertumpu di kawasan pengundi Melayu sehinggalah hari pengundian.

Badan Perhubungan Umno Selangor yang turut menghantar penyokong pula akan berada di Janda Baik, manakala Umno Perhubungan Perak di Bukit Piatu.

"Sementara di kawasan kontroversi iaitu di Bukit Tinggi pula diserahkan kepada Parti Gerakan dan MCA kerana kawasan ini kebanyakannya terdiri pengundi Cina," katanya.

Adnan yang sebelum ini mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco, di sini, berkata, masalah pemberian hak milik tanah di Janda Baik dan Bukit Tinggi yang dimohon penduduk sejak 1995 untuk tujuan pertanian, kini dalam proses akhir untuk diagihkan.

Dalam perkembangan sama, sumber itu berkata, Pemuda Umno negeri juga sudah membuat persiapan rapi dengan mengerahkan lebih 5,000 ahlinya bersiap sedia membantu pilihan raya Ketari.

Katanya, Wanita Umno negeri juga sudah memulakan gerak kerja melalui program Gerak 10 dan sayap Puteri Umno pula melalui program anak angkat.

(END)